

Jawapan Lengkap Cabarán KBAT

TINGKATAN 5

BAB 8

Pelaksanaan DEB mampu mengurangkan kemiskinan dalam kalangan penduduk. Penduduk dapat mengusahakan pertanian dengan pemberian tanah oleh kerajaan. Mereka juga diberi bantuan dalam bentuk peralatan, biji benih, kewangan dan khidmat nasihat. Langkah ini dapat menambah pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan.

Taraf hidup rakyat juga diperbaiki melalui pemberian subsidi, skim perumahan murah dan bantuan pendidikan dalam bentuk buku teks percuma dan pemberian biasiswa. Di samping itu, kemudahan kesihatan dan koperasi juga turut disediakan. Hal ini memberi kesan terhadap kualiti hidup dan kadar kemiskinan serta pengangguran.

Pendapatan rakyat bertambah dengan memperkasakan peranan agensi kerajaan dan pembangunan wilayah. Agensi kerajaan berperanan membuka peluang pekerjaan lebih banyak dengan pembukaan tanah untuk pertanian dan perindustrian. Antara agensi ini ialah KEJORA, KETENGAH dan DARA. Mereka diberi tanah yang diusahakan dengan tanaman getah, kelapa sawit dan lada hitam. Hasil tanaman ini mampu menambah pendapatan rakyat.

Seterusnya pendapatan kaum bumiputera yang lebih miskin berbanding kaum lain mengalami perubahan dengan pemilikan modal saham di dalam syarikat korporat. Langkah kerajaan memperkenalkan Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera serta Dasar Penswastaan telah melahirkan golongan korporat dan usahawan yang turut memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi. Sumbangan mereka membuka pelbagai bidang ekonomi telah menambah peluang pekerjaan untuk rakyat pelbagai kaum. Kesannya, kehidupan rakyat semakin baik dan meningkatkan kemakmuran negara.

Pengenalan industri kecil sederhana juga mampu menambah pendapatan rakyat. Penggunaan modal yang kecil serta tenaga kerja yang kecil menyebabkan industri ini mampu menjana pendapatan sampingan yang dapat memperbaiki taraf hidup rakyat.

Hasilnya, DEB dapat meningkatkan taraf hidup rakyat dan mengurangkan kemiskinan dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

*(Mana-mana jawapan munasabah diterima)
(Maksimum = 8 markah)*